

10 NOV 1998

Apec-Berita-Hishammuddin

KEENGGANAN ADAKAN PERTEMUAN DUA HALA TUNJUKKAN KEANGKUHAN

SERDANG, 10 Nov (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein hari ini menyifatkan tindakan beberapa pemimpin, yang menyertai Sidang Kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), tidak mahu mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai angkuh.

"Mereka datang ke negara kita sebagai tetamu tetapi tidak menghormati sekurang-kurangnya jawatan Perdana Menteri kita, tidak menghormati kerajaan kita dan tidak menghormati rakyat Malaysia," katanya selepas merasmikan bengkel Perhutanan di Universiti Putra Malaysia di sini.

Ia bukan sahaja penghinaan kepada Perdana Menteri, tetapi juga kepada Malaysia sendiri, satu keangkuhan negara-negara maju, katanya.

Agensi berita asing melaporkan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien membatalkan perbincangan dua hala yang dirancang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun beliau mempunyai masa manakala Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dilaporkan tidak akan mengadakan pertemuan sedemikian. Hampir 12 ketua kerajaan pula telah meminta untuk mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir semasa Apec.

Hishammuddin berkata sebagai seorang pemimpin muda beliau melihat tindakan mereka sebagai tidak wajar dan menegaskan sebenarnya ada banyak perkara yang Malaysia boleh tunjukkan kepada negara Barat dalam soal kesopanan.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama berkata beberapa pemimpin yang akan menyertai forum itu, juga dijangka akan membuat kenyataan yang tidak akan menyenangkan Malaysia.

"Tapi kita dengan nilai-nilai kita akan menerima dan melayan mereka dengan baik. Mereka tidak tahu bagaimana nak jadi tetamu, itu terserah pada mereka, tapi pada kita sebagai tuan rumah kita harus tunjukkan budaya sopan dan adat yang kita telah warisi," katanya.

Mengenai kemungkinan berlakunya tunjuk perasaan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa sidang Apec nanti, Hishammuddin menasihatkan mereka yang berhasrat berbuat begitu mengambil kira imej negara serta masa depan generasi muda di negara ini.

"Saya nak nasihatkan adik-adik kita yang nak terlibat dalam tunjuk perasaan. Dunia akan memerhatikan tindak tanduk kita, dan tunjuk perasaan bukan sahaja memalukan kerajaan tetapi diri mereka juga," katanya.

-- BERNAMA

RV RI